

19/04/1999

Malaysia sedia hulur bantuan kepada Kosovo

KUALA LUMPUR, Ahad - Malaysia bersedia menghulurkan sebarang bentuk bantuan sekiranya diperlukan untuk melindungi etnik Albania di Yugoslavia, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, beliau berkata, negara hanya dapat menghulurkan bantuan setakat yang mampu kerana mempunyai bekalan senjata canggih yang terhad.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mengulangi desakannya supaya Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (Nato) menghantar tentera darat ke negara itu kerana percaya serangan udara tidak mampu menghentikan kezaliman tentera Serb ke atas etnik Albania.

"Kita tidak boleh mengusir orang Serb melainkan sanggup berperang dengan mereka, tetapi mereka cuma lontar bom dari jauh kerana takut kalau-kalau rakyat mereka terbunuh dalam perang.

"Sekiranya negara yang mengakui sebagai kuasa dunia takut melihat anak mereka terbunuh dalam perang, mereka tidak perlu dakwa bahawa mereka adalah kuasa dunia," katanya.

Menurutnya, kuasa dunia sepatutnya berani walaupun askarnya akan terbunuh dalam usaha menyelamatkan penduduk etnik Albania Kosovo yang menderita akibat diseksa tentera Serb.

"Cara mereka untuk menyelamatkan sesuatu tindakan penindasan ialah dengan menyeksa seluruh rakyat di negara itu seperti yang terjadi di Iraq kerana tidak suka kepada Saddam Hussein dan mereka menyeksa semua orang Iraq. Demikian juga di Libya dan sekarang ini yang menjadi mangsa ialah orang Kosovo," katanya kepada pemberita selepas melawat Muzium Kesenian Islam di sini, hari ini.

Baru-baru ini, dalam wawancara ringkas dengan Bernama dan RTM di Insitut Jantung Negara (IJN) di sini sejurus sebelum dibenarkan keluar selepas menerima rawatan kerana jangkitan paru-paru, Dr Mahathir menggesa Nato menggerakkan pasukan tentera daratnya ke Kosovo, untuk melindungi etnik Albania yang masih tinggal.

"Kita sedang berhadapan dengan seorang (Presiden Yugoslavia, Slobodan Milosevic) yang begitu kejam, yang bersedia membunuh dan ... membunuh beramai-ramai," katanya.

(END)